

DUSUN ECO RESORT SDN BHD

PAKEJ HARGA PERMAINAN "PAINTBALL/BEBOLACAT"

A) TEMBAK SASARAN (MIN 10 ORANG)

Pakej ini termasuk penyewaan dan penyediaan peralatan senjata permainan, gas CO2 dan topeng keselamatan muka. Peserta dikenakan kadar bayaran seperti berikut:

- i) RM 10.00 - 30 biji peluru bebolacat
- ii) RM 15.00 - 80 biji peluru bebolacat

Kadar bayaran sebanyak RM 15.00 untuk tambahan 100 biji peluru.

B) SEWAAN PERALATAN PERMAINAN/AKTIVITI TEMPUR (MIN 10 ORANG)

Peserta akan dibekalkan dengan peralatan senjata, gas CO2, topeng keselamatan muka, 'chest protector' dan tempat permainan. Kadarnya adalah seperti berikut:

- i) RM 40.00 - 150 biji peluru bebolacat
- ii) RM 80.00 - 500 biji peluru bebolacat
- iii) RM 110.00 - 1,000 biji peluru bebolacat

Tambahan peluru RM 15.00 - 100 biji peluru ATAU RM 60.00 - 500 biji peluru (per beg)
RM 200.00 - 2,000 biji peluru

C) PELANGGAN YANG MEMBAWA / MENGGUNAKAN PERALATAN SENDIRI (MIN 10 ORANG)

Perhatian! Bekalan peluru dari syarikat ini sahaja dibenarkan. Peluru luar tidak dibenarkan dibawa masuk dan digunakan dalam aktiviti permainan tempur. Permainan dihadkan dalam kawasan medan tempur sahaja. Peserta yang membawa peluru sendiri dikehendaki meninggalkan/ menyerahkan kepada pegawai syarikat.

Kadar bayaran masuk RM 15.00 - sewa tempat permainan
RM 60.00 - 500 biji peluru bebolacat
RM 100.00 - 1,000 biji peluru bebolacat
RM 180.00 - 2,000 biji peluru bebolacat

D) MAKANAN

RM 10.00 - Makan Tengahari + 2 botol air mineral (500 ml)

***** Bayaran RM 5.00 dikenakan untuk memasukkan gas CO2 12 oz dan RM 10.00 untuk gas CO2 20 oz.**

PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

1. Peserta hendaklah berumur 18 tahun ke atas. Peserta kurang daripada 18 tahun perlu mendapatkan kebenaran daripada ibubapa / guru / fasilitator sebelum pihak syarikat boleh membenarkan peserta bermain.
2. TIDAK DIBENARKAN SEBARANG JUDI DAN PERTARUHAN.
3. Dilarang meminum minuman keras / alkohol.
4. Pastikan topeng keselamatan dipakai setiap masa semasa berada dalam kawasan medan tempur / kawasan permainan. Jangan buka topeng keselamatan muka anda tanpa sebarang alasan kecuali ketika anda berada di luar kawasan permainan.
5. Jangan menembak orang yang tidak memakai topeng keselamatan muka.
6. Anggaphlah seolah-olah setiap senjata bebolacat mempunyai isi peluru dan berbahaya.
7. Dilarang menembak orang atau objek atau melepaskan tembakan di luar kawasan permainan.
8. Dilarang menembak bahagian muka atau kepala orang sama ada secara sengaja atau tidak.
9. Dilarang berdepan secara fizikal dengan mana-mana peserta.
10. Jangan sekali-kali menurunkan tabung untuk melihat sama ada ianya kotor. Minta bantuan daripada marshall atau pegawai bertugas.
11. Sebelum memulakan permainan, pastikan muncung senjata bebolacat dihadapkan ke bawah bagi mengelakkan kemalangan.
12. Tabung plug hendaklah sentiasa berada dalam senjata bebola dengan pin keselamatan hendaklah sentiasa dipasang sehingga marshall / referee memberi arahan "BARREL PLUGS / STOCKS OFF" (BUKA) dan "SAFETY PIN OFF" (BUKA) untuk memulakan permainan.
13. Selepas permainan tamat, dengan serta merta masukan tabung Plug/ sock dan pin keselamatan hendaklah dipasang. Berjalan keluar melalui pintu keluar dan serahkan senjata kepada pegawai bertugas.
14. Jika anda telah terkeluar dari permainan, beri isyarat kepada marshall/pegawai bertugas dan pihak lawan dengan laungan "HIT" atau "OUT". Angkat tangan ke atas kepala dan keluar dengan cepat dari kawasan permainan atau ke tempat menunggu.
15. Jangan menembak ke kawasan bukan tempat permainan.
16. Peserta dikehendaki setiap masa mempamerkan kelakuan sebagai ahli sukan.
17. Pihak pengurusan DUSUN ECO RESORT SDN BHD dan kakitangan serta agennya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan atau apa-apa tuntutan disebabkan kecuaiannya peserta-peserta. Setiap peserta dikehendaki menandatangani borang idemnitasi tuntutan sebelum dibenarkan memulakan permainan dan peserta digalakkan membeli insuran perlindungan untuk melindungi diri daripada apa-apa kecelakaan.